



MANUAL PENGGUNA

**SUBMITTING PERSON
(PEMBAYARAN BIL)
VERSI 1.0**



SISTEM PEMANTAUAN OSC 3.0

Isi Kandungan

1.	Pengenalan.....	3
2.	Portal.....	4
2.1.	Log Masuk Ke Dalam Sistem	5
2.2.	Pembayaran Bil Permohonan	6

Senarai Rajah

Rajah 1 : Paparan Portal OSC.....	4
Rajah 2: Log Masuk Pemohon.....	5
Rajah 3 : Paparan Log Masuk	6
Rajah 4: Menu Pengguna	7
Rajah 5 : Senarai Permohonan Yang Dihantar.....	7
Rajah 6 : Menu Tindakan Lanjut.....	7
Rajah 7: Senarai Bil Permohonan.....	8
Rajah 8 : Paparan Pembayaran Melalui FPX.....	8
Rajah 9 : Paparan Sistem FPX.....	9
Rajah 10 : Contoh Paparan Bayaran Berjaya	10
Rajah 11 : Contoh Paparan Pengesahan Bayaran	10
Rajah 12 : Paparan Maklumat Bil dan Resit Pembayaran	11
Rajah 13: Contoh Resit Bayaran	11

1. Pengenalan

Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) bagi tujuan mengurus dan mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya. PPJ juga dipertanggungjawabkan dengan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa perancangan tempatan melalui beberapa perintah dan pemberitahuan seperti yang tertulis di halaman utama portal PPJ.

Selaras dengan visi, misi dan perkara satu (1) dalam nilai-nilai bersama iaitu mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Oleh yang demikian, Sistem Pemantauan OSC 3.0 yang kompherensif serta mantap telah dibangunkan bagi memudahkan permohonan yang berkaitan Kebenaran Merancang (PP), Kawalan Pembangunan (DC), Kelulusan Landskap (KL) serta Permit (Permit) yang dikendali oleh PPJ dibuat. Tuntasnya, melalui sistem baharu ini, PPJ mampu menjadi sebuah organisasi yang mempunyai kecekapan dan keberkesanan tadbir urus terbaik bagi mentransformasikan sistem pengurusan yang sedia ada.


Manual ini menfokuskan kepada fungsi berkaitan pembayaran bil di atas talian bagi bil-bil yang berkaitan permohonan.

2. Portal

Portal OSC adalah medium utama yang digunakan oleh pengguna sistem untuk membuat semakan kepada permohonan, mendapatkan maklumat berita terkini berkenaan OSC, membaca pengumuman terkini dan sebagainya.

Portal OSC boleh diakses melalui pautan <https://osc.ppj.gov.my> menggunakan pelayar versi terkini bagi Google Chrome, Mozilla Firefox dan juga Safari.

Paparan utama portal OSC boleh dilihat pada **Rajah 1**.




The screenshot displays the OSC Portal interface. At the top, there is a navigation bar with language options (EN, MS), utility links (FAQ, TAKWIM, KALENDAR), and user roles (Pemohon (SP), Staf, Agensi). The main header features the logo of PERBADANAN PUTRAJAYA and its tagline 'Agensi Di Bawah Kementerian Wilayah Persekutuan'. Below this is a green navigation menu with icons for 'Laman Utama', 'Kebenaran Merancang', 'Bangunan', 'Landskap', 'Ubahsuai', 'Infra', and 'Permit'. The main content area is divided into three sections: 'BERITA' (News) with a 'PENGUMUMAN' (Announcement) tab, a 'SEMAKAN PERINGKAT PERMOHONAN' (Check Application Status) section with a search box and a 'Semak' button, and a 'JUMLAH TRANSAKSI ONLINE 2017' (Online Transaction Volume 2017) section with a table.

Bulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
K.Merancang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	29	0	0
Bangunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0	0
Landskap	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	11	0	0
Ubahsuai	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0
Infra	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0	0
Permit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	12	0	0

Rajah 1 : Paparan Portal OSC

2.1. Log Masuk Ke Dalam Sistem

Bagi sebarang tujuan semakan dan bayaran bil bagi permohonan, pemohon harus masuk ke dalam Portal OSC terlebih dahulu.



The screenshot shows the website interface for PERBADANAN PUTRAJAYA. The top navigation bar includes links for 'EN | MS', 'FAQ', 'TAKWIM', 'KALENDAR', and 'Pemohon (SP)'. The 'Pemohon (SP)' link is highlighted with a red box. Below the navigation bar is the logo and name of the organization, 'PERBADANAN PUTRAJAYA', with the tagline 'Agensi Di Bawah Kementerian Wilayah Persekutuan'. A green menu bar contains icons and labels for 'Laman Utama', 'Kebenaran Merancang', 'Bangunan', 'Landskap', 'Ubahsuai', 'Infra', and 'Permit'. The main content area features a 'BERITA' section with a 'PENGUMUMAN' button and a 'Free-form Sign' button. On the right, there are two panels: 'SEMAKAN PERINGKAT PERMOHONAN' with a search box for 'Masukkan No. Permohonan' and a 'Semak' button, and 'JUMLAH TRANSAKSI ONLINE 2017' with a table showing transaction counts by month and category.

Bulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
K.Merancang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	28	0
Bangunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0
Landskap	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	10	0
Ubahsuai	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0
Infra	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0
Permit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	12	0

Rajah 2: Log Masuk Pemohon

Langkah 1: Klik pautan Pemohon (SP)

The image shows a login interface with the following elements:


- Logo at the top center.
- Section title: **Log Masuk**
- Text: **SEBAGAI PEMOHON**
- Input field: **ID Pengguna**
- Input field: **Kata Laluan**
- Buttons: **LOG MASUK** (highlighted in blue) and **DAFTAR**
- Link: **Lupe Kata Laluan**

Rajah 3 : Paparan Log Masuk

Langkah 2: Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan. Tekan butang Log Masuk . Anda akan dibawa ke Dashboard Pengguna sekiranya maklumat diberi adalah betul.

2.2. Pembayaran Bil Permohonan

Bagi membuat bayaran bagi bil bagi mana-mana permohonan, pemohon perlu masuk ke paparan Maklumat Permohonan terlebih dahulu.



Rajah 4: Menu Pengguna

Langkah 1: Klik pada 'Senarai Permohonan' pada menu sebelah kiri paparan.

Senarai Permohonan Yang Dihantar


Papar 10 rekod per halaman

Carian

#	Jenis	Permohonan	No. Permohonan	Keterangan	Tarikh Hantar	Status	
1	Lanjutan Pelan Kelulusan	Permit Sementara	PS20240514-001-E01	[REDACTED]	09-08-2024	Tindakan OSC	Papar
2	Lanjutan Pelan Kelulusan	Permit Sementara	PS20240725-002-E01	[REDACTED]	09-08-2024	Tindakan OSC	Papar

Rajah 5 : Senarai Permohonan Yang Dihantar

Langkah 2: Pergi kepada bahagian 'Senarai Permohonan Yang Dihantar' dan klik pada butang 'Papar' pada permohonan yang berkaitan bil yang ingin dibayar.



Rajah 6 : Menu Tindakan Lanjut

Langkah 3 : Setelah Maklumat Permohonan dipaparkan, klik pada 'Maklumat Bil' pada menu 'Tindakan Lanjut' pada sebelah kanan skrin.

Senarai Bil								
#	Tarikh Bil	Tajuk Bil		Amaun (MYR)	Status	Nombor Bil	Tarikh Bayaran Akhir	Fail
1	09-08-2024	Fi Lanjutan Permit Sementara	<input type="button" value="Bayar"/>	986.00	Menanti Bayaran	630000011409	16-08-2024	
2	09-08-2024	Fi Lanjutan Permit Sementara	<input type="button" value="Bayar"/>	110,898.00	Menanti Bayaran	630000011410	16-08-2024	

Rajah 7: Senarai Bil Permohonan

Langkah 4: Di dalam bahagian Senarai Bil, klik pada butang 'Bayar' bagi bil yang ingin dibuat bayaran.

Pembayaran Melalui FPX

Pelanggan : ██████████

Email : ██████████@gmail.com Phone : ██████████


Nombor Bil : 630000011409 Jumlah : RM 986

Tajuk Bil : Fi Lanjutan Permit Sementara

* Anda perlu memiliki akaun Internet Banking bagi membolehkan anda melakukan transaksi melalui FPX.
* Sila pastikan *pop up blocker* pelayar anda telah dinyahaktifkan bagi mengelakkan sebarang gangguan semasa urusan ini.
* Sila jangan tutup atau *refresh* laman ini selagi tidak menerima maklumbalas dari sistem.

Rajah 8 : Paparan Pembayaran Melalui FPX


Langkah 5: Di dalam paparan pembayaran, klik pada butang 'Bayar'.



Rajah 9 : Paparan Sistem FPX

Langkah 6: Di dalam paparan Sistem FPX, pilih jenis kaedah pembayaran (Retail Banking/ Corporate Banking/ Credit/Debit Card).

Setelah membuat pilihan kaedah pembayaran, pilih bank yang ingin digunakan dan klik pada butang 'Pay'. Anda akan dibawa ke paparan bank yang anda pilih untuk melengkapkan proses bayaran.



Rajah 10 : Contoh Paparan Bayaran Berjaya

Langkah 7 : Setelah bayaran selesai dilakukan, anda akan dibawa semula ke paparan Sistem FPX PPj. Dalam masa 10 saat, anda akan dibawa ke paparan Sistem OSC 3.0 PPj.



Rajah 11 : Contoh Paparan Pengesahan Bayaran

Bagi memuat turun bil dan resit bayaran, anda boleh menekan butang 'Maklumat Bil'.


Senarai Bil							
#	Tarikh Bil	Tajuk Bil	Amaun (MYR)	Status	Nombor Bil	Tarikh Bayaran Akhir	Fail
1	09-08-2024	Fi Lanjutan Permit Sementara	986.00	Bayaran Penuh	630000011409	16-08-2024	
2	09-08-2024	Fi Lanjutan Permit Sementara	<input type="button" value="Bayar"/> 110,898.00	Menanti Bayaran	630000011410	16-08-2024	

Senarai Resit Pembayaran					
#	Tarikh & Masa	Nombor Bil	Nombor Resit	Amaun	Fail
1	30-09-2024 01:45 AM	630000011409	NR8500125493	986.00	

Rajah 12 : Paparan Maklumat Bil dan Resit Pembayaran

Anda boleh memuat turun bil dengan menekan butang Fail di bahagian 'Senarai Bil'.

Anda juga boleh memuat turun resit bayaran dengan menekan butang Fail di bahagian 'Senarai Resit Bayaran'.

	PERBADANAN PUTRAJAYA Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya, MALAYSIA Laman web: www.ppp.gov.my		
RESIT RASMI			
TARIKH : 30-09-2024	MOD : ONLINE	NO RESIT : NR8500125493	JUMLAH : RM 986.00
BANK : SBI Bank A	NO. AKAUN : 0000010025083	FPX TRANSACTION ID : FPX2400019729	NAMA : AAD ARCHITECTS SDN. BHD.
ID TRANSAKSI : 2409300145210328	ALAMAT : -		
NO BIL : 630000011409			
MAKLUMAT BAYARAN			
Bil	Perkara	Rujukan FPX	Jumlah (RM)
1	Fi Lanjutan Permit Sementara PS20240514-001-E01	OSC630000011409-240930013052	986.00
<small>Resit ini cetakan komputer, tiada tandatangan diperlukan.</small>			

Rajah 13: Contoh Resit Bayaran

selamat berjaya dan **Terima Kasih**

daripada Kumpulan Kerja & Pembangunan

Sistem Pemantauan

OSC3.0

Perbadanan Putrajaya (PPj)

